# UPM Meterai Dua MoU Pembangunan Lestari

**Oleh Syifarida Muhamad Zaki**

**Foto oleh Noor Azreen Awang**



**SERDANG, 15 Mei -** Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani dua perjanjian persefahaman (MoU) dengan Perbadanan Putrajaya, dan dengan Tunas Nasional Holdings Sdn Bhd bagi tujuan mencapai pembangunan lestari dan penanaman bunga semusim.

Melalui MoU dengan Perbadanan Putrajaya itu, UPM memperluaskan bidang kerjasama dengan melibatkan Fakulti Perhutanan, Fakulti Pertanian, dan Taman Pertanian Universiti (TPU) yang merupakan kesinambungan daripada kerjasama 2012-2016.

LIHAT JUGA



UPM meterai dua MoU pembangunan lestari (/berita/upm_meterai_dua_mou_pembangunan_lestari-31364)



Sultan Selangor sampaikan anugerah kepada 22 warga UPM yang cemerlang (/berita/sultan_selangor_sampaikan_anugerah_kepada_22_warga_upm_yang_cemerlang-31303)



UPM anjur ICAN 2017 meraikan sumbangan rakan industri dan komuniti (/berita/upm_anjur_ican_2017_meraikan_sumbangan_rakan_industri_dan_komuniti-31301)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
1800 22 5587
+603 8948 7273
marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

Kerjasama itu terutamanya dalam bidang hortikultur yang meliputi florikultur, olerikultur, pomologi dan pengurusan tapak semaian, apiari, pengurusan dan penyelenggaraan landskap, perancangan dan reka bentuk bandar, pengurusan alam sekitar, tasik dan wetland, pembangunan dan perkhidmatan bandar, perhutanan bandar, pertanian bandar, rekreasi dan eko pelancongan.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata melalui kerjasama itu, kepakaran yang dimiliki UPM akan dikembangkan terutamanya melalui perkongsian maklumat, ilmu pengetahuan, pembangunan dan pengurusan landskap serta alam sekitar.

Melalui MoU dengan Tunas Nasional Holdings Sdn Bhd pula, syarikat itu diberi kebenaran membuka pusat nurseri tanaman bunga di UPM di kawasan seluas lebih 0.6 hektar di kelab golf UPM.



Melalui usahasama itu, UPM menyediakan 20 orang pelajar daripada golongan ASNAF untuk menyediakan 150,000 polybag bunga semusim setiap bulan, dan dipantau oleh pihak Taman Pertanian Universiti serta pihak Bursar.

"Saya percaya kerjasama ini dapat diperluaskan lagi melalui kaloborasi pintar UPM dalam mengkaji serta menemukan jenis-jenis bunga semusim yang boleh dikomersilkan.

"Kajian ini perlu dilaksanakan segera memandangkan usaha Kementerian Wilayah Persekutuan menceriakan bandar-bandar dan penduduk melalui tanaman bunga-bungaan seperti yang diusahakan Tunas Nasional Holdings sekarang.

"Kajian ini nanti akan diangkat oleh UPM dan Tunas Nasional Holdings untuk digunakan oleh agensi-agensi kerajaan," kata Prof. Datin Paduka Dr. Aini.

Majlis itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Loga Bala Mohan.

Kemaskini:: 17/05/2017 [syifarida]

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

(http://www.mscmalaysia.my)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)

Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)

Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)

Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)

i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my/j2ee/portal/login.jsp)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (http://www.fund4knowledge.upm.edu.my/ezakatputra/)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)

Poliklinik Putra Medik (http://www.upm.edu.my/kandungan/Poliklinik_Putra_Medik-29862)

(http://www.psasir.upm.edu.my/)

(http://www.smp.upm.edu.my)

(http://eclaims.upm.edu.my/login/)

U-Respons (http://u-respons.upm.edu.my/action.form?ptj=upm&lang=BM&public=1)

(http://www.reg.upm.edu.my/eISO/)

email@upm (http://emel.upm.edu.my)

(/dokumen/PJBUR_Method_JOMPAY_BM.pdf)

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/footnote/rss-29951) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2017 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR